

Malaysia, Maldives perkukuh kerjasama dalam bidang baharu

Pelbagai sektor termasuk tenaga solar terapung, pertahanan, digital dimanfaatkan bersama

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia berhasrat memperkukuhkan kerjasama dengan Maldives dalam bidang baharu termasuk tenaga solar terapung, pertahanan dan digital, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berlandaskan semangat manfaat bersama, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Maldives adalah negara maritim, sekali gus menyaksikan ruang kerjasama dalam pelbagai bidang amat luas.

"Saya sangat gembira dengan siri mesyuarat yang kita adakan dan mesyuarat dua hala bersama menteri. Kerjasama kita merangkumi pelbagai bidang termasuk pendidikan, pelancongan dan latihan.

"Terdapat bidang baharu yang dikenal pasti untuk diperluaskan kerjasama (antara Malaysia dan Maldives) termasuk tenaga solar terapung, pertahanan serta digitalisasi," katanya pada sidang media bersama sempena lawatan rasmi Presiden Republik Maldives, Dr Mohamed Muizzu selama empat hari ke Malaysia.



Anwar bersama Muizzu (kiri) menyaksikan pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman dalam bidang sukuan antara Hannah dan Menteri Luar Negeri Maldives, Dr Abdulla Khaleel di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Anwar berkata, kerjasama di antara Malaysia dan Maldives juga kini diperluaskan kepada bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), pendidikan tinggi, pertukaran universiti, sukan dan kesihatan.

Katanya, kerjasama kedua-dua negara turut diperluas dalam latihan diplomat serta perundingan dua hala.

Mengenai isu perubahan iklim, Perdana Menteri berkata, Malaysia menyokong penuh pendirian Maldives yang menggesa komuniti antarabangsa menghormati keperluan melindungi alam sekitar dan berkongsi tanggungjawab berkenaan.

"Dalam hal ini, kita berdiri teguh bersama beliau (Muizzu), mengikuti dengan penuh minat dan menyokong pendirian tegas yang dinyatakan Presiden (Muizzu)," katanya.

Teroka potensi AI

Sementara itu, Muizzu berkata, Maldives berminat meneroka inisiatif bersama dalam transformasi digital seperti teknologi maklumat, kecerdasan buatan (AI) dan keselamatan siber.

Justeru, beliau berharap dapat menyegerakan dan memuktamadkan memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang penting terbabit.

"Kemajuan dan kepemimpinan Malaysia dalam industri ha-

lal dan ekonomi digital adalah amat membanggakan dan saya amat menghargai kesediaan Perdana Menteri (Anwar) untuk berkongsi kepakaran Malaysia dengan kami.

"Kami berharap dapat membentuk kerjasama bermakna yang dapat dimanfaatkan bersama dalam sektor dinamik ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau melihat potensi besar bagi memperkukuhkan hubungan ekonomi dan mengalu-alukan pelabur Malaysia untuk meneroka peluang di Maldives, khususnya dalam zon ekonomi khas, sektor perniagaan, perkhidmatan kewangan, ekonomi maritim dan ekonomi digital.

Terdahulu, Muizzu yang dalam lawatan empat hari ke Malaysia bermula semalam, diberi sambutan rasmi di Bangunan Perdana Putra di sini.

Sejurus sambutan itu, Anwar dan Muizzu mengadakan pertemuan empat mata sebelum menghadiri mesyuarat dua hala.

Kedua-dua pemimpin kemudian menyaksikan pertukaran tiga MoU dan pertukaran nota (EoN) antaranya dalam bidang pelancongan, sukan dan kesihatan.

Sementara pertukaran EoN pula meliputi bidang latihan diplomatik dan penubuhan mekanisme perundingan dua hala di antara Malaysia dan Maldives.

Anwar turut bersama Muizzu hadir pada majlis makan tengah hari di Seri Perdana.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin; Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh.

Anwar dan Muizzu juga menghadiri Forum Perniagaan Maldives-Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Pada 2024, jumlah dagangan Malaysia dan Maldives mencatatkan peningkatan 4.3 peratus dengan jumlah RM862.7 juta (AS\$180.9 juta) berbanding RM827.3 juta (AS\$180.9 juta) pada 2023, menjadikan negara kepulauan itu sebagai rakan dagangan keenam terbesar Malaysia dalam kalangan negara Asia Selatan.